

SALUTASI

PROGRAM OUTREACH BERSASAR DAERAH JASIN, MELAKA

Bismillahirrahmanirrahim
Terima kasih pengacara majlis

Yang Berusaha Encik Wahi bin Nordin,
Pengarah, Bahagian Kemasukan Pelajar Ipta@UPU

Yang Berusaha Hj. Baharudin bin Husin,
Pegawai Pendidikan Daerah Jasin

Yang Berusaha Encik Norizam bin Sekak,
Pengarah, Politeknik Merlimau

Yang Berusaha Encik Amalulkhair bin Sarbini,
Timbalan Pengarah,
Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti

Para Pempamer Universiti Awam, Politeknik, Kolej Komuniti dan
Institut Latihan,

Guru Pengiring dan Guru Kaunselor

Para Pelajar Sekolah Daerah Jasin

Tuan-tuan dan Puan-Puan Sekalian.

Assalamualaikum Wbt dan Salam Sejahtera,
Salam Melaku Maju Jaya, Rakyat Bahagia, Menggamit Dunia.
Salam UTeM ku Sayang, Menajar Universiti, Melonjak Ke
Hadapan.

TEKS UCAPAN NAIB CANSELOR
YBRS. PROFESOR TS. DR. MASSILA KAMALRUDIN



SALUTASI


-Seperti di lampiran

1. Terlebih dahulu marilah kita memanjatkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan rahmat dan izinNya kita dapat bersama-sama di Program Outreach Bersasar Daerah Jasin 2022 bertempat di Dewan Platinum, Politeknik Merlimau Melaka. Saya rasa berbesar hati dan merakamkan ucapan terima kasih atas kesudian menjemput saya untuk turut bersama di program ini.

Hadirin sekalian,

2. Program Outreach Bersasar ini merupakan sebuah program kerjasama melibatkan Bahagian kemasukan Pelajar IPT (BPKA), Kementerian Pendidikan Tinggi dan Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM). Pihak UTeM turut melaksanakan kolaborasi secara bersama melibatkan rakan strategik lain yang terdiri dari Pejabat Pendidikan Daerah Jasin, Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti dan Politeknik Merlimau, Melaka. Untuk makluman hadirin sekalian, program yang sepatutnya dianjurkan pada November 2022 ini, terpaksa

ditunda kerana memberi laluan kepada Pilihan Raya Umum ke-15. Justeru, mandat yang diberikan oleh BPKA ini tetap diteruskan

- 
3. Objektif utama Program Outreach Bersasar ini adalah untuk mendidik dan memupuk kesedaran dalam kalangan pemohon dan masyarakat awam mengenai permohonan kemasukan ke Universiti Awam, Politeknik, Matrikulasi, Kolej Komuniti dan institut latihan yang sedia ada melalui aplikasi UPUOnline.

4. Di samping itu, program ini juga bertujuan memperkenalkan Universiti-Universiti Awam dan institusi latihan yang ada di Malaysia. UTeM turut mengambil kesempatan ini untuk mempromosikan keberadaan UTeM sebagai sebuah institusi TVET terkemuka dikalangan warga MTUN. Kita mahu menjadikan UTeM pilihan utama anak-anak negeri Melaka menyambung pengajian melalui penawaran program akademik dalam bidang kejuruteraan, teknologi Kejuruteraan, sains komputer, dan pengurusan teknologi. Malah baru-baru ini kita juga mula menawarkan

Program BTech khas bagi pelajar Kolej Vokasional untuk menyambung pengajian ke Sarjana Muda.

5. Diharapkan agar usaha ini menampakkan hasil apabila tibanya proses kemasukan pelajar di Universiti Awam atau institusi latihan yang telah dipilih. Jika program-program hebahan sebegini tidak diatur, ianya akan memberikan kesan permohonan yang kurang dan lebih ramai calon yang akan keciciran.

Hadirin yang dihormati sekalian,

6. Penganjuran Program Outreach Bersasar Daerah Jasin ini dilihat suatu yang amat signifikan. Malah mendapat sokongan dari pelbagai pihak. Saya dimaklumkan sebanyak 17 buah bas telah digunakan untuk membawa lebih kurang 700 orang para pelajar dari sekolah ke lokasi program ini. Malah, bas-bas ini ditaja oleh YB-YB kawasan manakala 6 buah bas disediakan oleh UTeM menggunakan peruntukan yang disediakan oleh UPU. Syabas pihak PPD Jasin dan sekolah yang terlibat atas usaha dan komitmen yang dilaksanakan.


7. Kepada pihak Politeknik Merlimau juga, saya mengambil kesempatan ini merakamkan jutaan terima kasih atas insiatif penyediaan tempat lokasi Politeknik Merlimau ini. Untuk makluman Tuan Pengarah, pelajar Politeknik merupakan penyumbang paling tinggi memilih UTeM sebagai destinasi menyambung pengajian mereka. Kita harapkan jumlah dari Politeknik Merlimau akan terus meningkat ke UTeM. Malah graduan politeknik yang berkemahiran tinggi ini bukan sahaja menjadi rebutan warga fakulti malah majikan diluar sana. Suka saya

berkongsi maklumat terkini, keboleh pasaran UTeM pada tahun 2022 adalah sebanyak 94.3 %.

Hadirin sekalian,

8. Program Outreach Bersasar Daerah Jasin hari ini telah digembleng secara bersama melibatkan Skuad Promo UTeM yang terdiri dari pensyarah, staf pentadbiran dan pelajar UTeM. Mereka ini dikenali sebagai Skuad Promo UTeM yang mana akan membantu anak-anak dalam pemilihan kursus sama ada diperingkat Diploma dan Sarjana Muda. Kita berharap bidang-bidang kejuruteraan

yang kurang dikenali tetapi merupakan segmen penting pada negara diberikan pendedahan kepada pelajar.

- 
9. Sesungguhnya anda, semua beruntung kerana mempunyai program sebegini berbanding pelajar sebelum ini yang tidak berpeluang bersemuka dan menimba pengetahuan sebegini disebabkan pandemik Covid 19.
 10. Rebutlah peluang keemasan hari ini untuk mendapat maklumat sebanyak mungkin daripada para pempamer yang ada di dalam dewan ini, manfaatkan masa yang ada,

bukan senang pihak Kementerian Pendidikan Tinggi Malaysia dan UTeM untuk mengatur kehadiran para pemamer yang di bawa khas dari seluruh tanahair ke Merlimau. Malu bertanya sesat jalan.

11. Akhir kata, saya berharap Program seperti ini dapat membantu masyarakat dan anak-anak Merlimau untuk terus mencari peluang dalam meningkatkan ilmu pengetahuan dan kemahiran. Tidak lupa juga tahniah dan syabas diucapkan kepada **SELURUH JENTERA Program dan urusetia** atas kerjasama, usaha dan

komitmen yang tinggi untuk menganjurkan program yang amat bermakna dan berjaya ini.

12. Dengan lafaz Bismillahirahmanirrahim, saya dengan sukatanya merasmikan **PROGRAM OUTREACH BERSASAR DAERAH JASIN 2022**

Sekian.

Wabillahitaufiq wal hidayah.

Wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Terima kasih.